# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 43 | RABU 22HB OKTOBER, 1980. | رابو 12 ذوالحجة 1400 | PERCHUMA


## DYMM BERSEMBAHYANG RAYA HAJI BERSAMA2 DGN RAAYAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat menunaikan sembahyang Hari Raya Haji bersama2 dengan raayat Baginda di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada hari Isnin lepas.

Turut berangkat bersembahyang Hari Raya Haji di-masjid itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah Pg Muda Haji Mohd Alam dan lain2 Kerabat Diraja.

Sembahyang Hari Raya Haji telah di-adakan disemua masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri.

Sementara itu beberapa majlis penyembelehan korban telah di-adakan dibeberapa buah kampong bersempena dengan Hari Raya Haji pada tahun ini.



GAMBAR kanan kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang diziarahi oleh orang ramai sa-telah selesai upachara sembahyang Hari Raya Haji.

### Naik pangkat

BERAKAS. — Dua orang Pemangku Kaptan dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah di-tetapkan ka-pangkat kaptan.

62 P/Kapt Affalon bin Dato Haji Hamidon dari Yunit Combat Engineering Squadron telah di-tetapkan jawatan itu mulai 12hb Oktober, 1980.

74 P/Kapt Pg Masuni bin Pg Ahamd dari Pusat Latehan telah di-tetapkan kajawatan itu mulai 17hb Oktober, 1980.



SALAH sa-orang pekerja sharikat tersebut sedang membuat pemereksaan terhadap steshen pengurang tekanan saloran gas di-Gadong. — Gambar ehsan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

## GAS MULA DI-GUNAKAN UNTOK GERAKKAN JANAKUASA LETRIK GADONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Steshen janakuasa Kerajaan di-Gadong kini mula menggunakan gas asli sa-bagai kuasa penggerak sistem pembekalan-nya.

Perubahan penggunaan kuasa penggerak ini menampilkan satu2-nya keupayaan negara kita dalam langkah-nya untok menjimatkan kadar perbelanjaan yang di-perchayai melibatkan jumlah ringgit yang besar dengan kompromi Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Langkah positif ini jelas sekali meringankan kos pembekalan letrik yang disalorkan melalui janakuasa kita di-sini memandangkan harga minyak yang tidak pernah menurun di-pasaran antarabangsa.

Berapa harga perbelanjaan projek ini dan penjimatan-nya dengan terlaksana-nya perubahan ini belum lagi di-perolehi oleh Pelita.

Peralehan penggunaan diesel ka-gas asli ini bermula pada hari Selasa, 7hb Oktober lalu dengan siap-nya dan sekali gus penggunaan saloran gas sa-jauh 48 batu dari pusat gas chechair asli di-Lumut ka-steshen janakuasa Kerajaan di-Gadong.

Jarak perjalanan 48 batu itu ada-lah merupakan satu2-nya projek pemasangan paip yang terpanjang sekali pernah dilaksanakan di-dalam sejarah perindustrian minyak di-Brunei.

Salah sa-orang juruchakap dari Sharikat Minyak Shell Brunei ketika di-hubongi baru2 ini menjelaskan yang projek tersebut telah di-timbulkan oleh Kerajaan yang meminta agar Sharikat Minyak Shell membekalkan gas bagi steshen itu didalam satu pertemuan diantara kedua belah pehak beberapa tahun yang lalu.

"Kajian awal projek ini di-jalankan di-dalam tahun 1978 dan ini di-ikuti dengan kerja2 penyelidekan (survey works) satahun kemudian-nya," kata juruchakap tersebut.

Sharikat Oceanic Contractors yang di-amanahkan "tender" bagi pemasangan saloran luarpantai projek tersebut memulakan kerja2 mereka di-dalam akhir bulan April lepas.

Saloran luarpantai sajauh 42 batu itu di-letakkan dari tiga hingga lima batu dari pantai di-dalam paras 10 hingga 50 kaki dari permukaan ayer dan ia-nya siap di-dalam masa satu bulan.

Dodsal GMBH, sa-buah firma kejuruteraan yang berpusat di-Jerman bertanggong-jawab melaksanakan kerja2 pemasangan saloran di-darat sa-jauh enam batu.

Juruchakap tersebut saterus-nya menambah yang saloran gas itu mempunyai keupayaan 100mmcfd yang sa-banding dengan 17,000 tong minyak mentah sa-hari, tetapi pada ketika ini penggunaan dihadkan kapada satu perlima daripada angka itu.

### Manis-nya Iman

"SESUNGGOH-NYA Allah Ta'ala mewahyukan kapada saya supaya kamu bersikap tawadhu' sa-hingga tidak sa-orang pun akan mencheroboh saorang yang lain, dan tidak sa-orang pun akan membangga2kan diri ka-atas sa-orang yang lain." — HADITH Nabi riwayat Muslim daripada 'Iydah bin Hammar.

### Kursus pengenalan kerani2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan akan menganjorkan satu kursus Pengenalan bagi Kerani2 Yang Baharu Berkhidmat pada 28hb Oktober ini.

Kursus sa-lama tiga hari itu akan di-sertai oleh 21 orang kerani yang baharu berkhidmat dari 21 buah jabatan2 Kerajaan.

Cheramah2 dalam kursus tersebut akan di-sampaikan oleh pensharah2 yang terdiri dari pegawai2 dari Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan.

### Pegawai Buroh

ADA-LAH di-maalomkan kapada orang ramai terutama sekali pendudok2 di-Daerah Tutong bahawa Jabatan Buroh telah menempatkan pegawai2-nya sa-penoh masa dibangunan baru Pejabat2 Kerajaan di-Bukit Bendera Tutong.

Oleh yang demikian, orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya menghubongi pegawai2 tersebut di-pejabat baru, terutama sekali mengenai dengan perkara2 yang bersangkutan dengan Pejabat Buroh.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

22HB OKTOBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SUDAH ADA PEMINTA SEDEKAH DI-BRUNEI ?

TAJOK di-atas mengkehendaki satu jawapan sama ada benar atau tidak yang di-negara kita yang terkenal kaya ini tetapi sudah ada "peminta sedekah". Khutbah Jumaat lepas mengemukakan suatu penjelasan yang mengakui tentang ada-nya kanak2 "peminta sedekah" di-masjid2. Di-yakini bahawa Khutbah tersebut menumpukan perhatian-nya di-perkarangan Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan, kerana hanya di-kawasan ini sahaja yang terdapat kanak2 yang membuat kegiatan "meminta sedekah" itu, sementara di-masjid2 yang lain di-negeri ini jarang sekali kedapatan.

Kalau ini di-jadikan satu pertolakan yang di-Brunei sudah ada peminta sedekah, maka ia-nya tidak dapat di-anggap sa-bagai satu kenyataan yang konkrit. Sebab, pemerhatian terhadap latar-belakangan mereka itu ada-lah perlu di-tinjau sama ada mereka itu benar2 memerlukan berbuat demikian atau hanya sa-bagai "satu keseronokan" sahaja. Di-samping itu, tabi'at orang2 kita di-Brunei yang gemar "mengunjoki" usin kapada golongan kanak2 ada-lah satu faktor yang lebeh memungkinkan kanak2 di-Brunei ringan hati menadahkan tangan atau "menggamit" orang2 yang di-kehendaki-nya untok meminta "unjoki usin". Dari keadaan ini saja sudah dapat memberikan gambaran bahawa kanak2 itu ada-lah lebeh dekat kapada runtunan naluri ingin meminta unjoki sa-bagai suatu keseronokan daripada runtunan atas desakan hidup yang terhimpit dan menjadikan "peminta sedekah" yang sa-benar. Dari faktor2 ini, maka beranilah di-katakan bahawa di-Brunei tidak ada peminta sedekah dalam erti kata peminta sedekah yang sabenar.

Dalam pada itu, dari perbuatan kanak2 itu tidak dapat di-sangkal akan memberi kesan yang burok pada pandangan orang luar terhadap negara kita dalam hal yang di-sebutkan ini. Orang2 luar yang tidak tahu menahu akan latar-belakang yang kita sebutkan itu akan mudah saja menganggap yang "profession" tersebut terdapat di-negara yang makmor ini.

Sa-lain daripada itu, jika hal ini tidak di-bendong, malah di-biar begitu sahaja tanpa memikirkan akibat2 yang tidak baik di-kemudian hari, sudah barang tentu ia-nya akan menjadi satu beban kapada masharakat dan negara saperti mana yang di-bimbangkan oleh Khutbah Jumaat itu. Jika perkara ini terbiar, kesan yang lebeh hampir dan bakal merasoki kanak2 itu nanti ia-lah malas berusaha dalam erti memerah keringat dan memperjuangkan masa depan-nya. Sekurang2-nya mereka akan lemah semangat untok berusaha bila sikap meminta-minta itu mula menulari alam kehidupan-nya.

Perkara "meminta unjoki usin" di-masjid itu, sajauh yang kita tahu, bukan-lah perkara yang baru dan kita yakin bahawa keluarga kanak2 yang berkenaan itu pun mengetahui akan perbuatan anak2 mereka itu. Di-sini juga kita yakin bahawa perbuatan mereka itu tidak di-ambil berat oleh keluarga2 yang berkenaan.

Sa-iring dengan seruan yang di-buat oleh Khutbah Jumaat itu, maka kapada para ibu bapa atau penjaga kanak2 itu molek-lah mengambil tindakan yang sungguh2 bagi menghindarkan anak-buah mereka itu dari terus membuat perangai yang tidak menguntongkan masa depan mereka dan menjejaskan nama baik negara kita yang sama2 kita chintai ini. Sebaik2-nya jangan-lah di-tunggu pehak yang berkuasa menjalankan tindakan2 jika kita tidak mengingatkan kesusahan2 yang bakal di-tempoh kerana perkara yang kechil itu.

## PADA HEMAT SAYA....

# RISAUKAN HARI ESOK

KALAU pada waktu malam, apa lagi kalau sudah larut-nya jauh sampai ka-dinihari, kita biasa-nya sudah nyenyak dengan berbagai2 mimpi.

Ya! Sedikit benar bilangan orang yang maseh belum tidor sampai ka-waktu2 begitu. Kechuali memang orang yang kerja-nya malam, atau pun orang yang mata pencharian-nya terhad dan tertentu pada waktu malam.

Tapi pernah ada kejadian orang tidak dapat tidor, atau tidak bersedia untok tidor walau pun sudah jauh malam. Mata-nya chelek tidak dapat pejam. Hati dan kepala-nya pun begitu.

Apa, mungkin ada banyak yang di-kenangkan-nya ?

Risau-kah dia ?

Banyak kenangan memang satu hal. Risau pun satu perkara juga. Kedua2-nya boleh menjadikan orang tidak dapat tidor atau tidak nyenyak tidor.

*Baik-lah. Kita ikuti kesah melalui rangkaian katabual berikut . . . .*

## KESAH

— Tidor-lah, sudah jauh malam.

— Tidak.

— Kau kelihatan-nya tidak habis2 berfikir dan berfikir.

— Saya chuma mengingat2.

— Banyak mana-lah perkara yang kau ingat patut ingati sampai tidak tidor begini ?

— Sa-kadar mengingat2 untok menghadapi hari esok!

— Esok? Apa ada pada hari esok?

— Ujian pelajaran dalam sa-minggu.

— Ah! Itu 'kan hal biasa, tidak perlu di-ingatkan sangat. Kau patut-nya sudah masok tidor.

— Betul, saya patut-nya sudah tidor dan nyenyak kalau saya sudah bersedia sa-lengkap-nya untok menghadapi hari esok.

— Ah! Apa-lah penting-nya di-ingat sangat. Tapi . . . kau mungkin risau dan mungkin juga takut. Ya, takutkan sasuatu ?

— Risau? Takut? Betul-lah begitu. Saya risau dan takut untok berhadapan dengan guru pada esok hari.

— Sebab kau tidak bersedia ?

— Saya bersedia. Tapi takut persediaan saya tidak lengkap lalu dia akan mendapati sebarang kesalahan.

— Oh! Itu pun perkara biasa saja. Tenangkan-lah hati fikiran mu, masok-lah tidor !

— Belum lagi.

— Eh! Kau keterlaluan sangat.

— Tidak. Chuma saya takut dan risau kalau terdapat sebarang kesalahan kerana chuai.

— Lalu apa ?

— Lalu akan di-hukumnya.

— Oleh guru mu itu ?

— Ya !

## BERSEDIA

RANGKAIAN kata-bual tadi kelihatan (kedengaran)-nya sederhana saja. Saorang menyuroh sa-orang lain supaya tidor. Tapi orang yang di-suroh itu enggan tidor walau pun sudah jauh malam sebab dia belum lengkap bersedia untok menghadapi hari esoknya.

Ya ! Persediaan menhadapi hari esok. Barangkali itu-lah saja yang luar biasa-nya.

Tapi, itu pun tidak-lah aneh sebab ada ramai orang yang tidak dapat tidor malam kalau ada kerja penting yang akan di-buat kaesokan-nya.

Soal-nya, kerja apa yang penting itu ? Bagi orang dalam kejadian tadi chuma-lah ujian pelajaran dalam sa-minggu. Itu penting bagi-nya. Dan penting-nya itu pun sebab dia risau dan takut akan di-hukum oleh guru-nya kalau dia didapati tidak chukop bersedia.

*Sa-takat itu, kejadian tersebut belum-lah sampai kapada 'climax'-nya. Dan 'climax'-nya itu-lah yang akan di-hidangkan untok sama menjadi hemathematan.*

*Sa-lanjut-nya ikut-lah. . .*

## 'CLIMAX'

— Kau takutkan hukuman guru mu ?

— Ya !

— Chuma kerana tidak chukop ingat pelajaran yang di-ajar-nya ?

— Ya !

— Sebab itu kau belum mahu tdior ?

— Ya !

— Dan sanggup berjaga terus sampai ka-pagi ?

— Ya ! Kalau belum dapat mengingat semua butir pelajaran yang dipelajari dalam sa-minggu.

— Ertinya: kau takut kalau ilmu yang di-ajarkan-nya tidak sa-penohnya dapat kau tangkap ?

— Lebeh dari itu, saya takut tidak dapat membentangkan-nya dengan baik apabila di-soal ?

— Oleh guru mu itu ?

— Ya !

— Aduh. . . ! Aduh. . . ! Aduh . . .!

*Orang yang menyuroh tidor dan banyak menyoal itu segera bangkit sambil menangis meraung2 dengan memukul2 kepala-nya saperti menyesal.*

*Apa yang di-kesalkannya ?*

*Maka kata2-nya yang berikut ini telah menjelaskan :*

— Jika demikian ketakutan mu sa-hingga kau belum mahu tidor, maka aku-lah sa-patut-nya terlebeh takut untok menghadapi hari esok, ketika aku akan berhadapan dengan Allah untok mendapati segala amal perbuatanku di-bentangkan. Aduh ! Betapa-lah dahshat-nya hukuman yang akan ku terima sa-timpal dengan maksiat yang ku lakukan sa-lama ini :

* * *

SAMPAI di-situ saja yang di-kisahkan. Orang yang ampunya cherita tidak pula menyebutkan sama ada sa-lepas menguchapkan kata2-nya itu orang itu dapat meneruskan tidor-nya.

Tapi untok maaluman awda, kedua2 orang dalam kejadian yang di-kesahkan itu sa-benar-nya bukan-lah orang lain. Mereka di-katakan anak-beranak. Si-anak di-suroh tidor oleh si-ayah. Rupanya sa-telah mengetahui betapa si-anak lebeh berhati2 mengingat akan hari esok-nya — yang chuma untok berdepanan dengan guru-nya — si-ayah lantas menginsafi hari esok-nya yang lebeh jauh apabila dia pasti akan berdepanan dengan Tuhan-nya: apa persediaan-nya!

Apa pun hal-nya, yang maseh bermain2 dalam hemat saya ia-lah ada ramai orang2 kita yang sukar hendak tidor, atau tidor kurang nyenyak, apa-kah rata2 mereka itu resah-risau dan gundah-gulana memikir-mengenangkan hari esok-nya. Ah! Nya orang: 'kan memberi bauri saja.......

—*Ketua Pegawai Penerangan.*

**"....sambil menangis meraung2 dengan memukul2 kepala-nya saperti menyesal".**

# PESERTA2 KURSUS ASAS PERTANIAN TINJAU PERUSAHAAN MENTERNAK AYAM



GAMBAR atas kelihatan sa-bahagian daripada peserta kursus yang mengadakan lawatan di-hari tersebut.

SA-RAMAI 20 orang peserta kursus asas pertanian dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah mengadakan lawatan ka-perusahaan ternakan ayam kepunyaan Awang Salim bin Seruddin di-Kampong Pangkalan Sibabau di-Daerah Brunei dan Muara pada 8hb. Oktober yang lalu.

Tujuan lawatan tersebut ia-lah bagi meluaskan pandangan ka-atas perusahaan ternakan ayam di-Brunei; pada membandingkan perbezaan sistem pemeliharaan di-antara penternak ayam besar2an dan sederhana bagi membolehkan mereka mengetahui perkhidmatan2 yang di-berikan oleh Bahagian Haiwan dan ternakan Jabatan Pertanian.

Di-samping itu ia-nya juga bertujuan untok melateh peserta kursus chara menternak ayam sa-chara teori dan praktikal (amali) dengan hasrat supaya mereka apabila tamat latehan akan dapat menternak sendiri atau mengajar ka-pada sekolah2 rendah.

Sementara itu, sa-kumpolan 30 orang penuntut termasok tiga orang pegawai dari Pusat Latehan Sinaut telah mengadakan lawatan ka-Daerah Temburong pada hari Khamis lalu.

Lawatan tersebut adalah bertujuan bagi meninjau lebeh dekat akan perkembangan dan kemajuan bidang pertanian di-daerah itu. Mereka telah membuat lawatan ka-Steshen2 Pertanian dan meninjau usaha bersawah padi di-Mukim Batu Apoi dan Labu serta lawatan ka-projek tanaman lada sulah di-Kampong Temada.

Di-samping itu juga mereka membuat lawatan ka-rumah panjang serta mengadakan perlawanan sokan sa-chara persahabatan dengan Pejabat Pertanian daerah itu sa-laku tetamu kapada rombongan pelawat tersebut.

# Perkampongan Sastera '80 25hb hingga 28hb Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani Brunei (ASTERAWANI) akan menganjorkan satu perhimpunan sasterawan bergelar 'PERKAMPONGAN SASTERA 80' yang di-jangka berlangsong sa-lama empat hari mulai 25hb hingga 28hb Disember bulan depan.

Perkampongan sastera yang berthemakan SASTERA MEMBANTU PEMBANGUNAN NEGARA itu mengandongi perbinchangan2 yang akan menyorot perhatian ka-pada masaalah2 peranan penulis dalam sumbangan-nya terhadap pembangunan negara.

Sa-banyak empat buah kertas kerja akan di-binchangkan dalam perhimpunan tersebut. Tajok2 yang akan di-binchangkan berkisar kapada peranan sastera melalui dakwah Islamiah; peranan DBP; chita2 sosial dan politik Pengiran Shahbandar Mohd Salleh serta membinchangkan thema perkampongan itu.

Menurut sa-orang juru-chakap pehak penganjor berkata, perkampongan sastera tahun ini akan di-hadhiri oleh tiga orang tokoh sasterawan luar negeri. Ketiga2 tokoh itu ia-lah Dato Shahnon bin Ahmad penulis terkenal novel Ranjau Sa-Panjang Jalan dan beliau juga sa-orang Profesor Madya di-USM; Usman bin Awang dan Harun Aminurashid.

Sa-bagai achara kemunchak perkampongan itu nanti akan di-adakan Perhimpunan Terbuka penulis, peminat sastera dalam dan luar negeri bertempat di-Pantai Muara. Antara achara yang akan memeriahkan perhimpunan itu termasok-lah membachakan rumusan dan resolusi ka-empat kertas kerja, diklamasi sajak, pintomen dan persembahan berchorak kebudayaan oleh Barisan Seriwani-Asterawani.

Bersempena perkempongan sastera itu juga akan di-adakan satu pameran karya enam orang penulis veteran tanah ayer yang pernah menghasilkan buku2 dan antoloji2 sama ada sa-chara persendirian atau berkumpolan dalam bidang penulisan sastera. Enam orang tokoh sasterawan Brunei yang mendapat penghormatan itu ia-lah YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri; YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof; Yahya M.S; Adi Rumi; Badaruddin HO dan YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

Di-samping itu, pameran buku2 dan penerbitan akhbar dan majallah, perbinchangan dari rumah ka-rumah tokoh2 sasterawan dan pembesar negeri di-samping mengadakan lawatan2 ka-tempat2 bersejarah, Asterawani juga akan menerbitkan keluaran majallah KARYA bersempena dengan perkampongan sastera pada tahun ini.

Pehak penganjor mengingatkan kapada penulis2 tanah ayer yang ingin menghantar hasil2 karya mereka untok pameran supaya akan dapat menghantarkan kapada Setia Usaha Perkampongan Sastera, Peti Surat 434, Bandar Seri Begawan.



TIGA orang pegawai dari Jabatan Penerbangan Awam telah bertolak ka-Manila pada hari Rabu lepas untok membuat lawatan sambil belajar di-perkhidmatan Penerbangan Awam di-sana.

Lawatan sa-lama tiga hari itu di-ketuai oleh Pegawai Pentadbir Kanan jabatan tersebut Awang Zainal Abiddin bin Haji Ibrahim dan di-sertai juga oleh Pegawai Operation Kanan, Awang J. Holden dan Penolong Pegawai Operation, Awang Robert Choek (gambar atas).

Semasa berada di-sana mereka telah membuat kajian, mempelajari dan memerhati selok-belok gerakan dan pentadbiran perkhidmatan Penerbangan Awam di-sana.

# Kursus Juruteknik Pertanian di-Sinaut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian akan memperkenalkan Kursus Juruteknik Pertanian di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut sa-bagai satu lagi usaha Jabatan tersebut untok mengadakan tenaga2 mahir di-perengkat urusan pertengahan yang di-perlukan oleh sektor pertanian di-negeri ini.

Kursus yang mengambil masa sa-lama 12 bulan itu ada-lah terbuka kapada pemuda yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, berumor antara 18 hingga 28 tahun dan se-kurang2-nya telah mendudoki Tingkatan V dalam aliran Inggeris.

Mereka juga hendak-lah lulus dalam dua mata-pelajaran atau lebeh di-perengkat biasa. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai kelulusan yang baik dalam mata-pelajaran sains kajihayat, kaji-tumbohan atau ilmu hisab. Mereka yang sedang mengambil salah satu dari mata-pelajaran ini boleh juga membuat permohonan.

Borang2 permohonan untok mengikuti kursus ini boleh di-dapati dari Pejabat2 Pertanian di-Bandar Seri Begawan, Bangar, Tutong dan Kuala Belait. Borang2 juga boleh di-dapati dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut Batu 21 Jalan Tutong. Permohonan akan di-tutop pada 1hb Nobember, 1980.

Pemohon2 yang berjaya akan di-berikan pakaian, makan minum dan tempat tinggal sa-chara perchuma di-samping alaon sa-banyak $140.00 sa-bulan.

Pelateh yang berjaya menamatkan kursus ini boleh memohon jawatan2 kosong yang sesuai yang di-iklankan oleh Jabatan Pertanian, ladang2 komersial atau pertubohan2 sumpama-nya melalui saloran-saloran yang tertentu. Mereka boleh juga mengambil kursus lanjutan samada di-bidang ternakan, tanaman, kejuruteraan pertanian atau lain-lain lapangan pertanian untok memperoleh kemahiran-kemahiran yang lebeh tinggi.

# MUTIKA '81

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Talivishen Brunei sekali lagi akan menganjorkan ranchangan MUTIKA tahun 1981.

Pertandingan yang di-adakan buat kali kelima ini bertujuan untok menchungkil bakat2 baru dalam bidang seni suara.

Para peminat seni suara tanah ayer yang ingin menyertai pertandingan tersebut, boleh-lah mendapatkan borang penyertaan daripada Penerbit Mutika '81, Bilek Penerbitan, RTB, Bandar Seri Begawan, Brunei atau melalui wakil2 yang di-tetapkan di-daerah masing2.

Bagi Daerah Belait dan Tutong, borang2 penyertaan boleh di-dapati melalui Pg Tajuddin bin Pg Metassan, di-Studio Radio Brunei, di-Kuala Belait dan Awang Haji Abim bin Haji Ibrahim, di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Tutong. Sementara bagi mereka di-Daerah Temburong, boleh-lah mendapatkan borang penyertaan di-Pejabat Daerah, Temburong.

Borang penyertaan hendak-lah di-kembalikan kapada Penerbit tidak lewat dari hari Sabtu, 8hb Nobember, 1980. Pemilehan awal bagi pertandingan tersebut akan berlangsong pada akhir bulan Nobember, 1980.

# Perbarisan tamat latehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 36 orang rekrut lelaki Pulis Diraja Brunei dari pengambilan kedua 1980 akan menamatkan latehan mereka akhir bulan ini.

Sa-bagai menandakan tamat-nya latehan sa-lama enam bulan itu, satu perbarisan akan di-adakan pada 25hb Oktober, mulai jam 7.45 pagi.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman akan di-beri penghormatan untok memereksa perbarisan tersebut.

Sa-lain dari rekrut2 itu, sa-ramai 200 orang anggota Pulis Diraja juga akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut. Pancharagam pasokan itu juga akan menyerikan perbarisan pada pagi itu.

## Pengakap2 dan belia2 di-seru:

# ATOR KEGIATAN2 YANG BERFAEDAH — Pg. Jaluddin

GADONG. — Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Mohd. Limbang menyeru ahli2 pengakap dan belia2 di-negeri ini supaya mengator kegiatan2 yang berfaedah untok panduan masing2 di-masa ini dan di-masa2 akan datang.

Kerana kata-nya, pergerakan pengakap dapat memimpin sa-seorang itu ka-arah penoh berdisplin dan bersedia sesuai dengan chogan kata mereka yang melambangkan 'Sentiasa Bersedia.'

Beruchap ketika merasmikan pembukaan Jamboree Di-Udara Persekutuan Pengakap Negeri Brunei kali ke-23 yang telah di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap, Gadong di-sini pada hari Sabtu lalu, beliau menambah kata bahawa pergerakan pengakap dapat-lah di-sifatkan sa-bagai kegiatan yang berkebajikan atau dengan kata lain 'Scout is walfare and discipline.'

Dari itu, tambah-nya, ada-lah wajar bagi sa-tiap ahli2 pengakap mempunyai perasaan untok sentiasa bersedia pada memberikan khidmat sa-chara sukarela kapada masharakat khusus-nya di-bidang kebajikan.

Beliau juga mengingatkan bahawa apabila sa-seorang itu memasoki pergerakan pengakap sejak dari muda2 lagi ia akan terus menjadi pengakap samaada aktif mahu pun sa-balek-nya sa-hingga umor-nya lanjut.

"Perkara ini dapat di-boktikan di-negeri kita ini yang mana hingga masa ini banyak bapa2 kita yang maseh aktif dalam pergerakan pengakap dalam sama2 memberikan khidmat bakti mereka kapada masharakat," tambah-nya lagi.

Keinginan mereka pada melanjutkan pergerakan2 itu, jelas-nya tidak lain tidak bukan ia-lah kerana Allah dan kerana tanah ayer yang mana mereka mengetahui bahawa kegiatan2 sa-umpama itu tidak sia2.

"Saya penoh berharap supaya pehak2 yang berkenaan akan dapat mensemadikan nama2 mereka untok ristaan jenerasi2 yang akan datang," ujar beliau dengan penoh harapan.

Terdahulu dari itu beliau menjelaskan bahawa tujuan di-adakan Jamboree Di-Udara itu ada-lah semata-mata untok berhubong dan berkenal2-an dengan pengakap2 dan pandu puteri di-seluroh dunia melalui perhubongan radio.

Di-mana kata-nya lagi perhubongan melalui perchakapan dan pendengaran yang sa-rentak di-buat akan lebeh berkesan lagi daripada perhubongan melalui sa-chara bertulis.

Di-samping itu, Jamboree ini juga akan dapat memesrakan ahli2 pengakap dengan chara bergaul dan bertukar-tukar fikiran di-antara satu pasokan dengan pasokan yang lain.

Turut hadhir di-upachara itu termasok-lah Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Awang Sidek bin Yahya Ketua Pegawai Belia dan Sokan, pegawai2 kanan pengakap serta lebeh daripada 100 orang ahli2 pengakap di-daerah ini.

## Buku Panduan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untok mempastikan keselamatan pehak pengguna tong2 gas terjaga, Sharikat Perdagangan Brunei Shell kini sedang memberikan buku-buku kechil panduan pemasangan alat2 regulator yang di-anggap selamat.

Buku2 kechil penerangan tersebut di-sertakan dengan sa-tiap tong2 gas (gas cylinder) yang di-beli daripada wakil2 penjual sharikat tersebut.

Salah satu daripada sebab2 mengapa kemalangan yang berpuncha daripada tong gas yang di-gunakan di-kebanyakan rumah sering terjadi ada-lah kerana terdapat-nya pehak2 pengguna yang memasangkan regulator Shellane tiruan dan untok membasmi penjualan alat2 tiruan serupa ini di-pasaran pehak Sharikat Pemasaran Sharikat Minyak Shell telah pun menawarkan potongan harga kapada sa-tiap pembeli yang menyerahkan alat2 regulator Shellane tiruan kapada wakil2 penjual Shellane. Potongan 20 peratus daripada harga biasa akan di-berikan kapada mereka.

Buku2 kechil tersebut di-antara lain memberikan penerangan mengenai chara-chara pemasangan alat-alat regulator yang selamat.

## RALAT

**DALAM renchana "Projek Pemeliharaan Ikan Ayer Tawar Di-Kampong Rampayoh" yang di-siarkan dalam Pelita Brunei minggu lepas, terdapat kesalahan2 dari segi fakta.**

**Pembacha2 di-harap mengambil perhatian bahawa sa-benar-nya projek yang di-nyatakan ada-lah salah satu projek2 kemajuan Jabatan Perikanan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Ketiga dan Ke-empat. Jabatan Perikanan telah memulakan dan bertanggong-jawab bagi seluroh projek tersebut. Apabila kolam tersebut telah siap di-bena, ia-nya akan di-uruskan oleh Sharikat Kerjasama Peladang Kampong Rampayoh dan pengawasan teknikal akan di-berikan oleh Jabatan Perikanan. Lain2 Jabatan yang terlibat ia-lah Jabatan Kerja Raya (pembersehan dan menggali kolam), Jabatan Kemajuan Kerjasama (perhubongan dengan Persatuan Kerjasama, Pejabat Daerah Belait dan Pejabat Tanah Belait). Jabatan Pertanian tidak ada mengambil bahagian di-dalam kemajuan itu saperti yang di-nyatakan di-dalam renchana tersebut. Harap maalum dan sidang pengarang menuntut ma'af atas kesalahan itu.**



**AWANG Shahiran Sherifudin bin Shahrani Muhamad telah mendapat tempat pertama dalam Peraduan Kanak2 Sehat Bahagian 'C' anjoran Pertubohan Perempuan pada minggu lalu. Gambar atas kelihatan Awang Shahiran Sherifudin (di-dukong oleh ibu-nya) dengan oskar kemenangan-nya.**



**PENGIRAN Jaluddin menghubongi pengakap2 di-luar negeri melalui radio sa-lepas merasmikan Jamboree Di-Udara pada hari Sabtu lalu.**

## Pemuda2 di-pelawa masoki kerjaya Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemuda2 ada-lah di-pelawa untok memasoki kerjaya sa-bagai anggota pasokan Pulis Diraja. Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara yang akan bermula pada pertengahan bulan Nobember depan.

Sharat2 bagi memasokki kerjaya Pulis ini, pemohon-pemohon hendak-lah terdiri dari raayat Brunei, bujang atau pun berumahtangga dan berumor antara 18 dan 28 tahun serta sekurang2-nya lima kaki dua inchi tinggi dan berbadan sehat. Kelulusan minima ia-lah darjah enam Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah $375 sa-bulan dan di-tambah $100 sa-bagai alaon. Sa-telah menamatkan latehan gaji pokok dan alaon akan di-tambah menjadi $580 sa-bulan.

Pemuda2 yang berhasrat untok memohon menjadi anggota pasokan Pulis Diraja hendak-lah hadhir untok di-temu duga oleh pegawai2 pengambilan di-tempat2 yang di-sebutkan di-bawah ini:

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin dan Selasa 27hb dan 28hb Oktober dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari Rabu 29hb. Oktober dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Di-Balai Pulis Lamunin juga pada hari Rabu 29hb. Oktober dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari Khamis 30hb. Oktober jam 8.00 hingga 12.00 tengah hari.

Di-Balai Pulis Seria pada hari Khamis 30hb. Oktober dari 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Temburong pada hari Sabtu 1hb. Nobember jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari 2.00 hingga 4.00 petang.

Dan sekali lagi pegawai2 pengambilan akan berada di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 3hb. dan Selasa 4hb. Nobember dari 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 2.00 hingga 4.00 petang.

## Peraduan Bahas Perengkat Akhir

SERIA. — Peraduan bahas perengkat akhir seluroh negeri antara sekolah-sekolah menengah dan maktab2 kali yang ke-10 akan di-langsongkan di-Sekolah menengah Melayu Muhd. Alam di-sini pada 25hb. Oktober ini.

Peraduan bahas tersebut terbahagi kapada dua bahagian, ia-itu aliran Melayu dan Inggeris bagi menengah bawah dan atas.

Dalam bahagian Inggeris menengah atas Maktab Anthony Abell akan bertemu dengan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin manakala bahagian menengah bawah Sekolah Inggeris Berakas bertemu dengan Sekolah St. Andrews, kedua2-nya dari Bandar Seri Begawan.

Bahagian bagi sekolah2 Menengah Melayu atas Maktab Anthony Abell sekali lagi akan bertemu dengan Maktab SOAS sementara Maktab SOAS (J) akan menemui Sekolah Menengah Melayu Muhd. Alam dalam bahagian Melayu menengah bawah.

Peraduan bahas antara sekolah2 dan maktab2 seluroh negeri itu di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran bahagian Latehan Kesenian dan ada-lah merupakan projek tahunan jabatan tersebut.

## Perubahan Pusat Pepereksaan

ADA-LAH di-ma'alumkan kapada chalon2 yang berkenaan, bahawa Nombor Pusat dan Nama Pusat2 Pepereksaan bagi Pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'O' dan 'A' Level (Aliran Melayu) 1980 dengan ini ada-lah di-atorkan saperti yang di-chatetkan di-bawah:

| No. Pusat | Jenis Chalun | Tempat Pusat Pepereksaan |
|---|---|---|
| 820 | Sekolah | MMPSBS/Sekolah Sains, Jalan Muara |
| 821 | Sekolah | Sekolah Menengah SMJA |
| 822 | Sekolah | Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah |
| 823 | Sekolah | Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong |
| 824 | Persendirian | Sekolah Menengah SMJA |
| 826 | Persendirian | Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah |
| 827 | Persendirian | Sekolah Melayu Pusar Ulak |
| 828 | Persendirian | Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria |
| 829 | Sekolah | Pusat Tingkatan Enam, Gadong |
| 830 | Sekolah | Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait |
| 860 | Sekolah | Pusat Tingkatan Enam, Gadong |
| 861 | Persendirian | Sekolah Melayu Menglait, Gadong |
| 862 | Persendirian | Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria |
| 863 | Persendirian | Sekolah Melayu Delima Satu |
| 864 | Persendirian | Sekolah Melayu Amar Pahlawan |

Pepereksaan ini akan di-mulakan pada 17hb Nobember 1980 akan datang.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 22HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 JANA OF THE JUNGLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY — "The Way Mork Were"
Bapa Mindy mengingatkan Mork dan Mindy akan waktu yang menyulitkan dalam perhubongan awal mereka.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.24 MORK AND MINDY — sambongan
6.30 DR. WHO — "The Talons of Weng Chiang"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
7.24 AZAN ISHA
7.28 MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE WAR YEARS
9.40 TAYANGAN GAMBAR "Hellfighters" Di-bintangi oleh : John Wayne.
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 23HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA



TALES OF THE UNEXPECTED membawakan "The Flypaper" pada hari Ahad jam 9.40 malam. Kesah minggu ini di-bintangi oleh Lorna Yabsley dan Alfred Burke.

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 SPIDERMAN — sambongan
6.22 OLYMPIC SPORTS
6.35 MARI MEMASAK

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PIRATE
7.24 AZAN ISHA
7.28 PIRATE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 WKRP IN CINCINATTI
10.00 TELFORD'S CHANGE
10.50 BILLY LIAR
11.20 BIG VALLEY
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 24HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 BISIKAN SEDAMAN (Ulangan)
5.35 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 KID POWER — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW — Di-bintangi oleh Sylvester Stallone.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MONTE CARLO SHOW
7.24 AZAN ISHA
7.28 MONTE CARLO SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WARISAN
9.00 BENSON — "Cold Storage"
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 HAWAII FIVE 'O' — 'Assault On the Palace"
Walau pun di-bawah pengawasan Ketua Five-O Steve McGarrett, Kurator Muzium sejarah Hawaii Arthur Lambert sa-bagai sa-orang ahli jawatankuasa perbarisan Governor's Kamehameha Day, bersama McGarrett; sa-chara rahsia meranchang menjadi penjenayah dan mengadakan rompakan bank yang terbesar dalam sejarah pulau itu.
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 25HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING — Sa-orang pemuda belasan tahun memperolehi kuasa2 istimewa sa-bagai THE THING.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 THE THING — sambongan
6.30 ANGIE — 'Harvey's Mother'

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FOUNDATION
7.24 AZAN ISHA
7.28 FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 DENDANG IRAMA
10.10 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.10 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 26HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE
5.30 JABBERJAW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE
7.23 AZAN ISHA
7.27 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 POT BLACK
9.00 BINTANG UNDANGAN
9.50 FOX — "Stick or Twist"
Sa-telah menchuri semua barang2 kepunyaan-nya, Lee dan Rita telah dapat mengenal latar belakang Kenny dan menyedari bahawa mereka tetap akan menuntut wang tebusan bagi kepulangan Kenny.
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "The Flypaper"
Alfred Burke berlakun dalam cherita ini. Sa-orang gadis di-ikuti oleh sa-orang lelaki dan di-bantu oleh sa-orang perempuan yang membawa-nya pulang ka-rumah. Ia menalipon pehak pulis. Lelaki yang mengikuti gadis itu masok ka-rumah dan wanita itu mengakui-nya sa-bagai suami-nya.
11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 27HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN — Satu siri Talivishen Pasifik Selatan mengandongi 13 bahagian di-lakunkan di-kawasan panas New Zealand pada tahun 1900.
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS
6.09 AZAN MAGHRIB



JOHN Wayne dalam "Hellfighters" yang akan dapat awda saksikan pada malam ini jam 9.40 malam.

6.13 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.23 AZAN ISHA
7.27 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MINDER
9.40 HOLLYWOOD
10.30 WARSHIP
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 28HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BATTLE OF THE PLANETS
5.30 GATHER YOUR DREAMS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S SERIAL
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 CHILDREN'S SERIAL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT
7.23 AZAN ISHA
7.27 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR — "Tell Them Willie Boy Is Here"
11.15 SIARAN TAMAT.



## The Queens menjadi tetamu minggu ini

YASMIN dan FARAH dua bersaudara yang saaliran jiwa yang terkenal di-Singapura, dengan nama THE QUEENS (gambar atas).

Kedua adek beradek ini, di-undang khas oleh Ahli2 Jawatankuasa Perkahwinan Diraja untok menghiborkan orang ramai sabagai meraikan hari perkahwinan tersebut.

Kebetulan mereka berada di-Brunei, Bahagian Melayu Radio Brunei, tidak ketinggalan mengundang untok mengambil bahagian dalam ranchangan 'Tetamu Minggu Ini'.

Di-Singapura, kedua adek beradek ini, di-kenali melalui kacha TV dan dipentas2 hiboran dan baru2 ini baru saja selesai merakamkan suara mereka kapiring hitam dalam jenis LP.

## *Ranchangan memasak minggu ini*

KAPADA puan2 khas-nya peminat2 ranchangan mari memasak, dalam siri yang ketiga ini Chegu Aishah akan menyentoh dan memberi serba sedikit penerangan mengenai membuat Kek dan lain2. Keadaan kek yang baik dan rosak.

Resepi perchubaan minggu ini ia-lah Kek Gegelang chokelat, pada puan2 yang ingin menchuba di-sertakan resepi-nya saperti berikut:—

**KEK GEGELANG CHOKELAT (M/MASAK No. 3)**

**Bahan-nya :**

5 oz tepong
6 biji telor
6-7 oz gula
4 oz mentega chair yang sejok
3 sudu besar penoh serbok koko
1 sudu sedang gula merah
1 tin besar buah2an

**Chara membuat-nya :**

1. Minyakkan achuan gegelang. Tuangkan 1 sudu besar mentega chair dan taborkan gula merah dan sedikit buah2an.
2. Ayak tepong dan serbok koko.
3. Pukol telor dan gula sa-hingga chukop kembang, kemudian masokan tepong yang sudah berayak dan gaul perlahan2 dengan sudu.
4. Tuangkan mentega chair dan gaul rata2.
5. Tuangkan adonan ka-dalam achuan dan bakar salama 20-25 minit.
6. Sejokkan kek, kemudian balekkan di-pinggan didangan, dan masokkan buah2an yang lebeh ditengah2.



KELIHATAN dalam gambar, Pegawai2 Ranchangan dan Juru2 teknik Radio, sedang mendengar penerangan Awang Alkin EGM Pegawai Kejuruteraan Latehan (bertali leher) bagai mana chara2 untok menggunakan rakaman Steario di-Studio C RTB.

# "THE THING" siri baru untok kanak-kanak



MULAI hari Sabtu jam 6.05 petang, THE THING akan menggantikan Wacky Races.

Tatkala BEN GRIMM, juruterbang ujian yang tampan dan maseh muda dengan tidak senghaja menerima sukatan berlebehan pancharan kosmik (cosmic radiation) dan telah berubah menjadi THE THING, makhlok berwarna jingga dengan kekuatan yang luarbiasa, sa-olah2 ia akan berterusan hidup sa-panjang hayat-nya sa-bagai makhlok yang begitu burok sekali. Bagaimana pun, BEN, sabagai THE THING, memperolehi harapan baru bila ia menemui Doctor Richard Harkness sa-orang guru sains sekolah tinggi siapa yang memberikan THE THING satu eksperimen yang berani, berasaskan teori pancharan negetif-nya. Dengan menggunakan chiptaan-nya yang ganjil di-makmal-nya, Harkness agak yakin ia dapat memulehkan THE THING saperti asal-nya sa-orang manusia biasa.

Walau pun ia lebeh kuat dari sepuloh orang, BEN GRIMM bersedia untok menghadapi sebarang risiko asalkan sahaja ia dapat di-ubahkan dari keadaan-nya yang menggerunkan ini. Eksperimen ini berjaya! ...... ia-itu BEN GRIMM telah kembali pada keadaan-nya yang biasa. Bagaimana pun pancharan negetif itu mengembalikan BEN GRIMM kapada perengkat umor-nya yang muda sedikit ...... ia kini di-kenali sa-bagai BENJY GRIMM, sa-orang pemuda belasan tahun yang sederhana bentok badan-nya dan penyegan tetapi sangat pintar! Tetapi ada juga kebaikan-nya dalam perubahan ini. BENJY GRIMM dapat mengekalkan kebolehan untok menukar diri-nya semula menjadi THE THING sesuka hati-nya . . . . bagaimana pun hanyalah untok waktu2 yang sebentar sahaja, sa-telah itu ia segera kembali kapada wajah dan personaliti BENJY.

Begitu-lah nasib BENJY GRIMM, kini menjadi saorang pemuda belasan tahun untok kali kedua, mendapati diri-nya menghadapi dua kesulitan, menjadi muda semula dan juga menjadi superhero'

## SERIKANDI akan di-tayangkan semula

UNTOK maaluman pada semua peminat2 Serikandi, ranchangan ini, kembali menemui puan2, ranchangan ini akan di-siarkan pada tiap2 hari Sabtu mulai 25hb Oktober jam 8.50 malam.

Dalam ranchangan pertama puan2 akan bersama2 juruachara kami Zauyah dan Rohani, dan kandongan kali ini, ia-lah kunjongan wakil kami karumah Dk. Saerah binte Pg Anak Kerma Negara Pg Anak Wahab mengenai dengan perusahaan membuat kopiah atau songkok, temuramah dengan Dy Marhani Haji Lawie mengenai dengan kerjaya beliau sa-bagai juru ukor bahan, di-Jabatan Kerja Raya, penerangan oleh puan Lena Lim mengenai masaalah rambut gugor, dan akhir sekali persembahan sa-buah tarian kelasik India oleh Puan Useni Hariram dan anak beliau Kokila.



**SA-BUAH lagi siri baru untok kanak2 akan di-mulakan pada hari Isnin ini. Siri Talivishen Pasifik Selatan ini mengandongi 13 bahagian yang di-lakunkan di-kawasan panas New Zealand pada tahun 1900.**

**Gambar kanan menunjokkan kumpolan Children of Fire Mountain — Tom, Davie, Homa, Tanati.**

# MEMENOHI KEP DUNIA KANAK

MUNGKIN kebanyakan di-antara kita sudah mengetahui bahawa Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, mempunyai perkhidmatan khusus untok bahagian kanak-kanak atau di-sebut perpustakaan kanak-kanak. Dan kebanyakan di-antara kita juga mungkin hanya berpendapat bahawa di-Perpustakaan Kanak-kanak itu hanya khusus dalam memberikan kemudahan2 kapada kanak-kanak dalam bentok buku2 yang menarek perhatian kanak-kanak untok membacha-nya.

Jika tahun2 kebelakangan perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak memang hanya berkemampuan dalam menyediakan buku2 yang berfaedah untok bahan bachaan kanak-kanak dan yang sedia tersusun dengan rapi di-rak2 buku, tetapi sejak dari tahun 1976 lagi kita tidak menyedari bahawa Perkhidmatan Perpustakaan Kanak-kanak telah dapat berusaha dalam memberikan lebeh banyak lagi kemudahan2 untok kanak-kanak dalam menyalorkan ilmu pengetahuan dan pelajaran selaras dengan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok memberikan taraf pengetahuan yang tinggi kapada raayat.

Jika-lah ada di-antara kita yang mempunyai anak yang berumor dalam lengkongan 5 hingga 12 tahun, galakkan-lah ia pergi ka-perpustakaan dan korbankanlah masa awda untok menghantarkannya ka-Perpustakaan Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka, di-Ibu Kota baik dalam masa sa-lepas balek dari sekolah apatah lagi di-masa2 chuti persekolahan.

Di-antara aktiviti2 perpustakaan yang boleh anak2 awda ikuti di-perpustakaan kanak-kanak dan yang di-minati oleh kanak-kanak sendiri ia-lah ranchangan2: Masa bercherita, Permainan dalam (indoor game), Kerajinan tangan, Masa membacha, bercherita melalui keset, dan pertunjokan slaid (Slide show).

Kesemua ranchangan atau aktiviti2 yang telah di-sebutkan itu ada-lah khusus untok kanak-kanak sendiri yang berumor ka-bawah 12 tahun. Di-antara lain tujuan besar Perpustakaan Kanak-kanak mengadakan-nya ia-lah untok menggalakkan dan untok mendekatkan diri kanak-kanak itu supaya rajin datang ka-perpustakaan dan melateh mereka supaya menggunakan masa lapang dengan kerja2 yang berfaedah serta memberi manafaat. Penerokaan bidang2 ini oleh perpustakaan kanak-kanak ada-lah sa-bagai satu kerja lanjutan (an extension work) selain daripada kerja harian.

## MASA BERCHERITA

Ranchangan ini telah mula di-perkenalkan kapada kanak-kanak pada tahun 1976 ia-itu dalam bulan April. Ranchangan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kanak-kanak di-mana kanak-kanak yang menghadhiri-nya dalam bulan April 1976 itu ada-lah lebeh kurang 400 orang.

Masa bercherita mengambil masa sa-lama satu atau dua jam dan biasa-nya akan di-adakan pada jam 2.00 tengah hari. Sa-lepas sahaja kanak-kanak mendengar cherita2 yang di-sampaikan, satu ujian selingan akan di-adakan untok menguji kanak-kanak mengenai beberapa perkara saperti Pengetahuan Am, bahasa, pantun, teka taki dan sa-bagai-nya Soalan2 yang di-kemukakan berbentok menjawab di-atas kertas yang di-sediakan oleh pehak perpustakaan dan soalan2 berkisar dari apa yang telah mereka dapati dari pengalaman dan pembachaan melalui buku2 dari Perpustakaan.

Sa-bagai langkah pertama masa bercherita di-adakan hanya di-Perpustakaan Kanak-kanak Bandar Seri Begawan (DBP, Brunei) sahaja, tetapi oleh sebab sambutan yang sunggoh menggalakkan dari kanak2, perpustakaan kanak-kanak telah mengadakan masa bercherita di-chawangan2-nya saperti Temburong yang telah di-adakan pada chuti penggal pertama persekolahan ia-itu bulan April 1980. Ramai kanak-kaank menghadhiri-nya ia-lah lebeh kurang 20 orang, manakala di-chawangan Seria ia-lah lebeh kurang 23 orang dan di-adakan pada chuti penggal kedua.

Di-antara tujuan masa bercherita di-adakan ia-lah untok memberikan nasehat2 serta pengajaran2 yang berguna kapada kanak-kanak serta membuat perbandingan2 mengenai perbuatan2 yang baik dan burok. Ranchangan ini juga sa-chara tidak langsong dapat memberikan bimbingan kapada kanak-kanak dalam mengasoh peribadi serta perangai mereka ka-arah peribadi yang sempurna dan tahu menghormati orang tua, dan guru2 serta lain2.

Kebanyakan cherita2 yang di-sampaikan ia-lah mengenai dengan cherita2 dongeng yang mempunyai pengajaran, cherita2 perbandingan baik burok sa-suatu perbuatan yang boleh menyedarkan kanak-kanak dari melakukan perkara2 yang burok, cherita2 jenaka yang mengandongi sindiran2 tajam yang membena dan boleh di-fahami oleh kanak-kanak yang kesemua-nya ini menjadi minat kanak-kanak mendengar-nya, tambahan pula jika pencherita atau si-penyampai cherita itu orang yang tau selok belok sa-bagai pencherita atau dengan kata lain orang yang pandai menarek perhatian kanak-kanak ada-lah lebeh berjaya lagi kerana kanak-kanak akan sendiri-nya dapat menghayati maksud cherita yang di-sampaikan.

Pehak perpustakaan kanak-kanak telah menetapkan para pegawai-nya untok mengambil peranan sa-bagai pencherita dan kadang2 sekali sekala terdapat juga para pencherita yang sengaja di-undang oleh pehak perpustakaan untok menarek minat kanak-kanak.

## PERMAINAN DALAM (Indoor Game)

Permainan dalam atau "indoor game" amat-lah di-gemari oleh kanak-kanak. Di-antara jenis2 permainan yang boleh anak2 awda ikuti ia-lah saperti permainan dam, Chinese chekkers, chator, master mind, scrabble, carrum dan permainan tradisional chongkak dan bermacham-macham jenis lagi permainan.



DAYANG Siti Madziah bte Ahmad pemenang pertama Bahagian 'B' dalam Peraduan Bijak Bercherita yang telah di-adakan baru2 ini.

Biasa-nya masa yang di-tetapkan untok ranchangan ini ia-lah pada jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Ranchangan ini selalu-nya akan di-adakan pada masa2 chuti persekolahan.

Kemudahan2 dalam bentok permainan dalam ini sengaja di-sediakan untok memberikan kerehatan kapada kanak-kanak sa-lepas menghadhiri persekolahan di-samping dapat menguji kepintaran otak kanak-kanak dalam menyelesaikan satu2 perkara. Perkara sa-demikian lebeh di-titek beratkan oleh perpustakaan kanak-kanak daripada kanak2 itu membuang masa-nya dengan tak tentu tujuan saperti bermain kikek atau merayau ka-sana ka-mari saperti kata Pengarah DBP sa-masa perasmian pameran aktiviti perpustakaan kanak-kanak pada 16hb Ogos, 1979, di-bilek kuliah DBP.

Menurut beliau "bahawa ada-lah dapat di-katakan kita sudah berjaya jikalau sa-orang kanak-kanak itu dapat di-ajak masok melangkahkan kaki-nya ka-bilek perpustakaan, apatah lagi jika kanak-kanak itu mahu membacha atau meminjam buku2 daripada-nya, daripada mereka menghabiskan masa-nya berlangkur menguyung kikek". Dalam kontek ini-lah perpustakaan kanak-kanak ingin mengajak kanak-kanak itu supaya menggunakan bahan2 permainan yang di-sediakan untok menguji bahan berfikir mereka dalam menggunakan bahan2 dan kemudahan2 yang di-sediakan oleh perpustakaan kanak-kanak.

Ranchangan permainan dalam ini juga telah di-adakan di-perengkat chawangan perpustakaan2 daerah2 Temburong dan Belait.



PERMAINAN Scrabble ada-lah salah satu permainan yang boleh membanyakkan perbendaharaan kata bagi kanak2.

## KERAJINAN TANGAN

Jika anak2 awda mempunyai bakat dalam pekerjaan tangan saperti membuat benda2 dari bahan2 kertas dan tanah liat atau sa-bagai-nya, perpustakaan kanak-kanak juga menyediakan ranchangan yang mengandongi kerja2 tangan daripada bahan2 yang tersebut tadi. Bahan2 saperti kertas, tanah liat, pelastik dan kulit2 telor ada-lah merupakan bahan2 yang boleh di-olah menjadi suatu benda yang amat berguna dan berfaedah saperti perhiasan2 rumah, sampul2 surat, kad2 hari raya dan sa-bagai-nya.

Ranchangan ini telah di-berikan tunjok ajar oleh pegawai yang bertugas yang begitu mengetahui akan satu2 benda yang akan di-buat itu dan kanak-kanak itu hanya akan mengikut sa-sudah pegawai2 tadi menerangkan chara2 membuat-nya. Ranchangan ini juga tidak kurang mendapat sambutan di-kalangan kanak-kanak terutama-nya kanak-kanak perempuan.

Antara lain tujuan perpustakaan kanak-kanak mengadakan ranchangan ini ia-lah untok melateh kanak-kanak itu mengisikan masa lapang mereka dengan kerja2 yang dapat memberikan hasil atau faedah kapada diri mereka sendiri.

Ranchangan ini juga biasa-nya akan di-adakan pada masa2 chuti persekolahan penggal pertama, kedua dan ketiga serta chuti dalam bulan puasa.

Oleh : ABU BAKAR
Pegawai P

Dari hasil2 yang telah di-buat oleh kanak-kanak dari bahan2 yang di-sebutkan itu akan dapat di-saksikan oleh kanak-kanak sendiri kerana pehak perpustakaan kanak-kanak akan mempamerkan-nya di-perpustakaan itu sendiri.

## MASA MEMBACHA

Ranchangan masa membacha baru sahaja di-kendalikan pada tahun 1979.

Ranchangan ini terbahagi kapada tiga bahagian ia-itu bachaan rumi, bachaan jawi dan bachaan Inggeris mudah. Ranchangan ini amat berfaedah kapada kanak2 yang berada dalam lengkongan pra-sekolah atau tabika, atau kanak-kanak yang berada dalam darjah 5 atau 6 atau pun kanak-kanak yang sedang berada dalam prep2 atau primary di-sekolah2 Inggeris, kerana ranchangan ini boleh di-adakan ujian sa-lepas-nya ia-itu dalam ketiga2 bahagian tersebut dalam bahagian2 ejaan dan tanda bacha serta bachaan.

## BERCHERITA MELALUI KESET

Satu lagi bentok bercherita ia-itu melalui alat perakam keset. Setakat ini pehak perpustakaan kanak-kanak telah mempunyai tidak kurang dari 10 tajok atau jodol cherita dalam bahasa Inggeris yang terdapat dalam alat perakam keset yang sengaja di-tempah oleh perpustakaan kanak-kanak.

Dalam ranchangan ini, kanak-kanak akan dapat mendengar cherita yang menarek dalam Bahasa Inggeris mudah yang senang di-fahami melalui keset yang di-mainkan. Jika pencherita atau pegawai yang mengendalikan-nya sa-orang yang mahir dalam hal ini ia akan menerangkan atau menterjemahkan cherita berkenaan ka-dalam Bahasa Melayu.

## PERTUNJOKAN SLAID (Slide Show)

Satu ranchangan atau aktiviti perpustakaan kanak-kanak yang di-anggap popular dan di-minati ramai oleh kanak-kanak ia-lah pertunjokan slaid yang mengandongi gambar2 pemandangan alam sekitar Brunei yang perlu di-ketahui oleh kanak-kanak sa-bagai warga negara Brunei.

Pertunjokan slaid juga mengandongi cherita2 dongeng dalam Bahasa Inggeris yang penoh bergambar serta ilustrasi yang mudah di-fahami oleh kanak-kanak, dalam hal ini pencherita atau pegawai yang mengendalikannya akan menerangkan cherita berkenaan dalam Bahasa Melayu sambil memutarkan gambar2 slaid hingga selesai.



KANAK2 ini sedang bermain dengan alat perm melengkapkan reka bentok daripada gambar2.

# BERKORBAN UNTOK MENDAPATKAN KEREDHAAN ALLAH

## KHUTBAH HARI RAYA AIDIL ADHA 1400/1980

TERLEBEH dahulu mari-lah kita menanamkan rasa takwa yang sa-benar-nya di-dada kita masing2 kerana matalamat seluroh amal ibadat ia-lah bagi menyampaikan kita kapada tahap takwa yang sa-benar2-nya bagi mempastikan kita menjadi orang Islam yang sa-benar2-nya yang mendapat kemuliaan dan kebahagiaan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Hari ini ada-lah Hari Raya Adha yang lazim di-sebut sa-bagai hari raya besar sebab kenyataan memang lebeh besar daripada aidil fitri di-mana pada Hari Raya Adha ini kita di-suroh bertakbir lebeh lama daripada aidil fitri ia-itu bukan sa-takat di-hari malam-nya, tetapi di-mulai sejak sa-habis sembahyang suboh pada hari 'Arafah 9hb Zulhijjah hingga waktu Asar hari Tashrik yang terakhir ia-itu tiga belas haribulan Zulhijjah. Takbir itu di-amalkan sa-tiap selesai sembhayang fardhu, kechuali pada malam hari raya, maka boleh-lah di-buat sa-malam suntok sejak habis sembahyang Maghrib sampai pagi hari-nya di-waktu imam akan bertakbir sembahyang hari raya itu yang demikian bertakbir-nya itu sa-lama lima hari.

Sa-lain daripada itu menurut istilah ugama hari ini ada-lah di-namakan aidil adha atau aidil har ia-itu Hari Raya Korban atau Hari Raya penyembelihan. Sebab di-sebut demikian kerana kita kaum muslimin yang chukop rezeki-nya di-sunatkan menyembelih korban ia-itu samada berupa kambing, atau lembu atau kerbau atau pun unta. Waktu menyembelih-nya itu pula ia-lah mulai daripada sa-puloh hari bulan Zulhijjah sa-sudah selesai sembahyang Hari Raya dan kedua khutbah-nya dan berterusan hingga tiga belas haribulan Zulhijjah.

Allah hu Akbar, Allah hu Akbar, Allah hu Akbar

Binatang korban yang kita sembelih itu tidak akan sia2 di-akhirat kerana banyak sangat fadhilat dan kelebehan-nya berkorban itu ,di-antara lain faedah berkorban itu ia-lah:

Yang pertama: Menghapuskan dosa2 yang telah lalu. Hal ini pernah di-terangkan oleh Rasulullah s.a.w. di-dalam hadith Baginda yang bermaksud:

Erti-nya: Wahai Aishah kemukakan-lah binatang yang kamu jadikan korban dan saksikan-lah waktu ia-nya di-sembelih maka sesunggoh-nya bagi kamu bagi satu titek darah yang mula2 menitik di-atas bumi dari korban itu akan di-ampunkan Allah Ta'ala apa2 jua dosa kamu yang telah lalu. Lalu berkata Aishah: Wahai Rasulullah ada-kah itu hanya khas untok kita atau untok sekalian orang2 mu'min am-nya? Jawab Baginda a.s.: bahkan untok kita dan untok sekalian orang2 mu'min am-nya."

Yang kedua: berkorban itu ada-lah juga menambahkan pahala dan mendapat berbagai2 nekmat di-akhirat. Ini telah di-terangkan oleh satu riwayat daripada Wahabi bin Munabah kata-nya yang bermaksud:

"Sesunggoh-nya Nabi Daud a.s. telah bersabda: wahai Tuhan-ku apa-kah dia pahala orang yang berkorban daripada umat Muhammad a.s. ? Allah menjawab: bahawa Aku akan korniakan kapada-nya bagi sa-tiap helai bulu di-badan korban itu dengan sa-puloh kebaikan dan Aku hapuskan daripada-nya sa-puloh kejahatan dan Aku tinggikan darjat-nya daripada sa-puloh darjat. Dan bagi sa-tiap bulu binatang itu pula Aku sediakan sa-buah mahligai di-shorga chukop dengan sa-orang bidadari dari bidadari-bidadari shorga dan sa-buah kenderaan yang mempunyai sayap yang boleh menerbangkan dengan sa-kelip mata yang mana kenderaan sa-demikian di-naikkan oleh ahli shorga lalu dia terbang dengan-nya kemana2 ia suka. Tidak-kah engkau mengetahui wahai Daud bahawa korban2 itu ia-lah merupakan kenderaan-kenderaan dan menolakkan berbagai bala pada hari kiamat."

Rasulullah s.a.w. ada bersabda yang bererti: Permuliakan-lah (perhebatkan-lah dan perbesarkan-lah) binatang korban kamu, kerana sesunggoh-nya binatang2 itu akan menjadi kenderaan kamu menyeberangi sharat." Maksud-nya: di-waktu menyeberangi sharat (jambatan yang terbentang di-atas neraka jahanam) itu-lah mereka dapat menggunakan kenderaan itu, jadi mulai dari yang kita dari kubor menuju ka-padang mahshar dan menyeberangi sharat kenderaan yang berasal dari korban itu dapat di-pakai sa-hingga dengan demikian tidak akan di-khuatirkan tergelinchir ka-dalam neraka jahanam. Bahkan kenderaan itu akan terus membawa-nya ka-pintu shorga sampai ia mengetok pintu-nya.

Allah hu Akbar, Allah hu Akbar, Allah hu Akbar

Demikian banyak faedah-nya berkorban itu sebab itu di-dalam mazhab Hanafi berkorban itu hukum-nya wajib tetapi dalam mazhab kita Safie dan juga mazhab Hambali dan Maliki ia-nya hanya-lah sunat muakad ia-itu bukan sunat sa-barang sunat tetapi yang sangat2 di-tuntut kita mengerjakan-nya. Bagi kita masharakat Islam di-Brunei amalan berkorban ini boleh-lah di-katakan belum begitu meluas meski-pun sudah ada tanda2 kemajuan-nya daripada sa-tahun ka-satahun. Maka sa-bagai masharakat Islam yang semakin beroleh kemaamoran dan kemewahan mustahak-lah kita menjadikan ibadat berkorban ini sebagai chara hidup yang menjadi amalan kita memandangkan kapada faedah2-nya yang amat banyak bukan sahaja untok akhirat bahkan juga untok kehidupan di-dunia bila mana daging2 korban itu di-bahagi2kan kapada orang2 tertentu yang sudah barang tentu dapat di-nekmati oleh masharakat kita. Apa yang telah di-jalankan oleh beberapa kelompok masharakat Islam dengan membuat pakatan beramai2 membeli binatang2 untok di-korbankan sa-lama ini ada-lah me-

Lihat muka 10

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 22hb Oktober, 1980 hingga ka-hari Selasa 28hb Oktober, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 22hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 23hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 24hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 25hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 26hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 27hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 28hb Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Semangat pengorbanan mustahak di-amalkan

Mari-lah kita tanamkan rasa takwa kapada Allah itu dengan sa-subor2-nya di-dada kita dan jangan-lah kita abaikan atau chuai2kan mengenai-nya supaya kita tetap beroleh keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar2-nya nya di-dunia dan di-akhirat.

Allah hu Akbar, Allah hu Akbar, Allah hu Akbar

Hari ini ada-lah salah satu hari utama di-dalam Islam di-mana kita di-suroh memperbaiki amal ibadat di-dalam-nya, hal ini pernah di-tegaskan di-dalam sebuah hadith riwayat Ibni Abas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang kira2 maksud-nya: "Tidak ada hari yang lebeh afdhal, dan amal di-dalam-nya yang lebeh di-sukai oleh Allah melainkan beramal pada sa-puloh haribulan Zulhijjah, maka hendak-lah kamu banyakkan pada-nya tahlil (ia-itu membacha La ila ha illallah). Dan takbir ia-itu membacha Allah hu Akbar dan zikir kapada Allah."

Di-samping itu mari-lah pula kita mengambil iktibar daripada semangat pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anak-nya Nabi Ismail a.s. dalam menjunjong titah perintah Allah yang mana Nabi Ibrahim a.s. telah melupakan belas kasehan dan kaseh sayang-nya kapada anak demi untok menchapai keredhaan Allah. Nabi Ismail a.s. pula tidak sedikit pun gentar dan takut menyerahkan batang leher-nya untok di-sembelih untok maksud yang sama.

Kepatohan dan kerelaan berkorban dari kedua2 Baginda itu ada-lah merupakan satu peristiwa sejarah yang besar erti-nya bagi umat2 yang mengaku beriman kapada Allah Ta'ala. Khas-nya bagi kita umat Islam. Dengan ada-nya semangat pengorbanan yang demikian sudah pasti kedudokan umat Islam akan bertambah baik. Semangat pengorbanan yang tidak mengira kepentingan peribadi sa-umpama ini-lah yang mustahak di-amalkan dalam kita menegakkan ajaran2 Allah dan dalam kita memperbaiki dan memajukan lagi kehidupan kita di-dunia ini. Seruan2 yang telah di-tegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei dalam titah2 Baginda sewaktu di-adakan sambutan-sambutan puja usia Baginda di-Lapau dan di-daerah2 baharu2 ini, supaya raayat dan pendudok negeri ini sentiasa memelihara keamanan dan ketenteraman negara, dan supaya pegawai2 dan kaki tangan kerajaan jangan melengah2kan apa kerja yang perlu di-laksanakan, sudah tentu berkehendakkan semangat pengorbanan yang tulus ikhlas daripada semua pehak bagi mempastikan seruan2 itu terlaksana dengan baik dan sempurna-nya.

Oleh hal yang demikian mari-lah kita menanamkan semangat pengorbanan itu dengan tulus ikhlas kerana Allah pada diri kita supaya kita akan tetap beroleh kejayaan hidup di-dunia dan di-akhirat. Kita perchaya bahawa tiada suatu kejayaan akan dapat di-chapai melainkan mestilah ada pengorbanan-nya terlebeh dahulu.

# Sabar ada-lah sifat mulia

**Bingkisan minggu ini**

KITA yang hidup di-atas muka bumi ini tentu-lah akan sentiasa menghadapi berbagai2 jenis-jenis dugaan yang di-turunkan oleh Allah s.w.t. ka-atas diri kita. Kadang2 dugaan yang datang menimpa kita itu sangat-lah berat dan ini seringkali akan menjadikan kita lupa kapada Allah dan dengan sechara yang tidak di-sedari juga maka keluar-lah perkataan2 yang kurang elok dan manis di-dengar di-telinga kita, saperti maki hamun dan menyesali terhadap untong nasib dari benchi terhadap dugaan yang mendatang itu tadi.

Di-dalam hidup kita sehari-hari, Ugama Islam telah menegaskan sejelas-jelas-nya agar umat2-nya sentiasa mengingati Allah dan sentiasa meyakinkan bahawa kudrat dan iradat itu hanya-lah datang-nya daripada Allah jua. Jadi di-dalam kita menjalani hidup ini dengan penoh kewaspadaan kita sebagai satu makhlok yang di-panggil Manusia hendak-lah sentiasa bersifat SABAR menempoh apa jua dugaan yang datang kapada kita.

Allah sentiasa memuji orang2 yang bersifat sabar dan Allah juga telah berjanji untok memberikan balasan pahala yang besar terhadap orang2 yang bersifat sabar. Sabagaimana firman Allah s.w.t. di-dalam surah Al-Baqarah ayat 153 yang kira2 bermaksud:

"Sesunggoh-nya Allah sentiasa bersama-sama orang2 yang sabar."

Di-dalam semua perkara yang kita hadapi, sifat sabar yang paling utama sekali ia-lah sabar pada menerima perintah Allah s.w.t. saperti mengerjakan akan segala suroh-an-Nya dan menjauhi akan segala larangan-Nya, serta meninggalkan segala petunjok hawa nafsu dan kelazatan2 yang timbul dari keinginan yang tidak sihat dari bathin yang di-goda oleh shaitan. Dari itu kita sebagai umat2 Muslimin yang sentiasa patoh akan segala perintah2 Allah jangan-lah pula kita mudah terpedaya apabila menghadapi sesuatu kesulitan atau pun halangan, kita hendak-lah sentiasa bersifat sabar dan chari-lah ikhtiar serta berusaha untok kita mengatasi-nya. Tambahan pula setiap kerja yang kita lakukan dengan penoh hati2 dan di-iringi pula dengan sifat Sabar tentu-lah nanti hasil-nya tetap akan lebih memuaskan.

Dengan berpandukan kapada firman Allah tersebut ada-lah jelas kapada kita bahawa Allah tetap bersama2 dengan orang2 yang Sabar. Dan hendak-lah kita yakin dan jangan-lah pula suka terburu2 apabila melakukan sesuatu tindakan, kerana tindakan yang di-lakukan dengan sechara terburu2 itu sudah pasti akan mendatangkan hasil yang kurang memuaskan dan akibat-nya kita sendiri juga yang akan menerima-nya dan pepatah Melayu ada mengatakan:

"Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna."

Oleh itu, untok memperoleh keredhaan Allah jua, maka apa pun bentok dugaan dan chabaran yang mendatangi nasib kita, maka perlu-lah kita menghadapi-nya dengan penoh kesabaran di-samping usaha2 gigih untok mengatasi-nya.

# DARIHAL MALAIKAT

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti [illegible]

ADA-LAH wajib kita mengenali siapa-kah itu Makaikat ? Dalam dunia yang maju dengan kebendaan (material) ini banyak orang telah melupakan akan hakikat perkara yang ghaib2. Pada hal makhlok Allah itu terdiri dari dua jenis ia-itu yang dapat di-lihat dan di-rasa merupakan alam benda saperti manusia, binatang, tumboh2an dan yang tiada dapat di-lihat dan di-rasa merupakan alam ghaib saperti jin, iblis dan malaikat.

### Keterangan As-Sakhawi

Al-Hafiz As-Sakhawi dalam kitab-nya Al-Qaulul-Badi' mengatakan: Bahawa malaikat2 itu tiada terkira banyak-nya melainkan Allah Subhanahu Wataala jua yang mengetahui akan-nya. Sa-tengah daripada mereka menjadi Malaikat Al-Muqarrabin yakni Ketua2 Malaikat di-sebabkan tinggi pangkat mereka di-sisi Allah, ada yang memangku Al'Arsh, ada yang menjadi pendudok tujoh petala langit, ada yang menjadi pengawal2 Shorga dan Neraka, ada yang menjaga segala pekerjaan, ada yang menjaga anak Adam (manusia), sa-bagaimana firman Allah:

يحفظونه من امر الله

(Surah Ar-Ra'du, Ayat 11)

Tafsiran-nya: *"Malaikat itu memelihara manusia daripada kejahatan jin² dan lain² dengan perentah Allah".*

Sa-bagai lanjutan dari keterangan di-atas, di-antara malaikat itu ada yang menjaga awan2, ada yang menjaga hujan, ada yang menjaga rahim perempuan, ada yang menjaga ayer mani, ada yang menjaga anak dalam kandongan ibu, ada yang bertugas meniupkan roh ka-

## Siri ke-50

dalam jasad, ada yang menjaga kejadian tumboh2an, ada yang menjaga perjalanan angin, ada yang menjaga perjalanan falak dan bintang, ada di-antara mereka yang menyampaikan 'Salawat' orang2 Islam kapada Nabi s.a.w., ada yang menulis kedatangan Ahli Jumaat pada hari Jumaat, ada yang mendo'akan 'Amin" ka-atas bachaan orang yang sembahyang, dan mendo'akan "Amin" ketika orang sembahyang menguchap

ربنا ولك الحمد.

ada yang mendo'akan orang2 yang sedang menunggu waktu untok bersembahyang, ada yang melaknat isteri yang meninggalkan tempat tidor suami-nya, dan lain2 lagi kerja mereka sa-bagai mana yang tersebut dalam hadith2 yang yang sahih.

Telah thabit di-dalam kitab Al-Mustadrak karangan Al-Imam Al-Hakim dari hadith sahabat Abdullah bin Amru:

ان الله جزا الخلق عشرة اجزاء فجعل الملائكة تسعة اجزاء وجزءا سائر الخلق.

Erti-nya: *"Bahawa Allah Taala membahagikan makhlok kapada sa-puloh bahagian dan ia jadikan malaikat sembilan bahagian, dan ia jadikan lain² makhlok satu bahagian."*

Dalam hadith Al-Me'raj yang muttafaq pada sah-nya:

ان البيت المعمور يصلي فيه كل يوم سبعون الف ملك اذا خرجوا لم يعودوا.

Erti-nya: *"Malaikat yang bersembahyang di-Baitol Ma'mor pada tiap² hari 70 ribu malaikat. Apabila mereka keluar daripada-nya maka mereka tiada dapat kembali lagi kapada-nya (kerana banyak sangat malaikat yang hendak bersembahyang di-Baitil Ma'mor itu).*

### Langit Menjadi Sarat

Dalam hadith riwayat sahabat Abi Zar dalam Sunan At-Tarmizi, Ibnu Majah dan Bazzar (Hadith Marfu'):

اطت السماء وحق لها ان تئط ما فيها موضع اربع اصابع الا وعليه ملك واضع جبهته ساجد

Erti-nya: *"Berbunyi langit dan memang benar-lah langit akan berbunyi kerana sarat menanggong banyak-nya malaikat, kerana tiada ada satu tempat pun sa-besar empat jari di-langit melainkan di-situ ada sa-orang malaikat sujud meletakkan dahi-nya."*

Dalam sa-buah hadith riwayat sahabat Jabir dalam kitab Al-Mu'jam oleh At-Tabarani (Hadith Marfu'), dan hadith sa-umpama ini juga (dengan lafaz yang berlainan) tersebut dalam hadith riwayat Syedatina Aishah dalam kitab yang sama, berbunyi:

ما في السموات السبع موضع قدم ولا شبر ولاكف الا وفيه ملك قائم او راكع او ساجد

Erti-nya: *"Tidak ada dalam tujoh petala langit itu sa-luas tapak kaki dan sa-luas satu jengkal, dan saluas satu tapak tangan, melainkan ada di-situ sa-orang malaikat berdiri, atau ruku' atau sujud."*

Telah di-ma'lumi bahawa sekelian malaikat itu berselawat ka-atas Syedina Rasulullah s.a.w. dengan Nas Al-Kor'an:

ان الله وملائكته يصلون على النبي

Pada sa-bilang waktu dan di-mana2 juga mereka berada.

Demikian-lah keterangan yang terdapat dalam kitab Al-Hafiz As-Sakhawi itu.

### Kerja Malaikat Berbuat Taat

Al-Allamah Ba'shan dalam Bushra Al-Karim dan Al-Imam Ibnu Hajar dalam Al-Fatawa Al-Hadithiah: mengatakan wajib kita perchayakan malaikat, mereka itu ada-lah hamba2 Allah Taala yang mulia, tiada mendurhaka kapada Allah dan sentiasa patoh serta taat akan apa yang Allah telah perentahkan mereka mengerjakan-nya; firman Allah Taala:

لا يعصون الله ما امرهم ويفعلون ما يؤمرون

(Surah Tahrim, Ayat 6)

Erti-nya: *"Mereka (malaikat² itu) tidak mengengkari perentah Allah, dan sa-balek-nya mereka mengerjakan apa yang di-perentahkan oleh Allah."*

Malaikat itu mempunyai jisim, tetapi jisim itu ada-lah jenis yang halus dari unsor chahaya, berseh dari kekotoran yang datang dari jisim yang biasa, sempurna ilmu mereka, mereka boleh menyerupai berbagai rupa, mereka itu tiada makan atau minum dan tiada juga tidor.

Kerja mereka hanya-lah berbuat taat kapada Allah, bilangan mereka tiada dapat di-kira banyak-nya, melainkan Allah jua yang amat mengetahui, firman Allah:

وما يعلم جنود ربك الا هو

(Surah Al-Muddathir, Ayat 31)

Erti-nya: *Tiada sa-siapa pun yang mengetahui bilangan Malaikat itu melainkan Allah jua.*

Rengkas-nya, malaikat itu berkerja dan berkhidmat menjaga alam sekelian, tiada suatu tempat di-langit atau di-bumi melainkan tempat2 itu penoh dengan malaikat, akan tetapi pada ghalib-nya (biasa-nya) mereka diam di-tujoh petala langit.

Mari-lah kita beriman dan perchayakan malaikat itu sa-chara ijmal (sa-chara umom) bagaimana di-atas, melainkan malaikat yang di-tentukan nama2 mereka maka wajib kita mengetahui-nya sa-chara tafsil (satu persatu) akan nama2 dan tanggong-jawab yang di-berikan oleh Allah kapada malaikat2 itu.

### Malaikat Wajib Di-Ketahui

Malaikat2 yang wajib di-ketahui itu ia-lah Jibril, Mikael, Israfel, Izrael, Redhwan, Malik, Raqib, 'Atid, Nungkar dan Nankir (Sepuloh malaikat semua-nya). Dan lagi tiap2 mukallaf yang chukop umor dan telah baligh ada dua malaikat (di-bawah arahan ketua mereka ia-itu Raqib dan 'Atid) untok menulis segala perlakuan mukallaf itu, tiada-lah kedua2-nya berpisah daripada-nya, melainkan ketika qadha hajat (buang ayer besar atau kechil), ketika junub dan ketika mandi. Maka apabila orang mukallaf itu mati, kedua2 malaikat itu dudok menunggu di-sisi kubor-nya, apabila dia di-bangkitkan di-padang Mahshar pada hari Kiamat nanti, maka kedua2 malaikat itu juga akan turut bersama2-nya.

### Kesimpulan

Kesimpulan-nya, malaikat ada-lah termasok dalam rukun Iman yang Enam yang wajib kita orang2 Islam beriman (perchaya) akan ada-nya. Sa-bagaimana juga jin dan shaitan, pada lazim-nya malaikat itu tiada dapat di-lihat dengan mata, kechuali sa-masa ia menyerupakan diri-nya dengan rupa makhlok saperti rupa manusia.

Menolak akan ada-nya malaikat bererti pula kita mendustakan Allah dan Nabi-nya Muhammad s.a.w. yng menerangkan perkara tersebut di-dalam Al-Ko'an dan Hadith2 saperti di-atas. Yang demikian menjadikan murtad (keluar dari ugama Islam) dan kufor-nya sa-seorang Islam itu. Oleh itu hendak-lah i'tiqad dan keimanan kita di-pelihara sa-baik2-nya. Ada-lah mustahak kita menjaga rohani dan jasmani kita supaya hidup kita sempurna dan selamat di-dunia dan di-akhirat.

*WALLAHU A'ALAM*

Dari muka 9

rupakan satu langkah yang amat berguna dalam konteks membuat ibadat ini. Hal ini ada-lah sesuai dengan gesaan Allah Ta'ala di-dalam Kor'an supaya kita sentiasa bersatu padu dan bertolong2an di-dalam perkara2 yang berkebajikan dan menjauhi daripada bertolong2an dalam perkara2 yang mendatangkan dosa dan pelanggaran batas2 ugama.

Apa yang amat perlu dalam hal ini ia-lah kesediaan kita untok berkorban membelanjakan sa-bahagian daripada wang kita atau harta kita untok berkorban bagi menuntut keredhaan Allah. Kalau di-dunia ini kita tidak sayang2 mengorbankan berpuloh2 ribu ringgit untok membeli kenderaan bagi kesenangan kita malahan sa-tengah2-nya pantang melihat kereta model baharu lalu di-beli atau di-tukar kereta lama, maka apa-kah salah-nya demi untok kesenangan dan keselesaan kita di-akhirat kita membuat wang untok tujuan berkorban itu, apa-lagi harga-nya jauh lebeh murah jika di-bandingkan dengan kenderaan di-dunia dan faedah-nya pula bukan sa-kadar untok kenderaan bahkan juga menghapuskan dosa2 yang telah lalu dan meninggikan darjat kita di-sisi Allah. Yang demikian kita suka-lah berseru supaya tuan2 mempastikan diri tuan2 tidak akan melepaskan peluang keemasan sa-umpama ini dengan jalan menyembelih korban sa-kira-nya tuan2 mempunyai kelebehan rezeki pada sa-tiap bulan Zulhijjah sa-umpama-ini.

# …ERLUAN …KANAK

…JI ZAINAL
…an DBP.

## …KTIVITI TAHUNAN

…n *daripada* aktiviti2 yang telah di- … di-atas tadi pehak perpustakaan juga …eupayaan untok menganjorkan satu2 … menguji bakat kanak-kanak dengan …kan beberapa hadiah2 yang menarek …-nya jika perpustakaan kanak-kanak …rkan satu2 peraduan untok kanak- …mpat2 daerah tidak ketinggalan ikut … penghakiman menurut dua perengkat …engkat daerah dan perengkat negeri. … lain tujuan satu2 peraduan itu di- …-lah untok memperkenalkan perpus- …pada kanak-kanak dan untok mena- …t kanak-kanak itu dalam berjinak- …ngan perpustakaan. Juga menerang- … konsep perpustakaan yang sa-benar- … daripada menyediakan buku2 bacha- …erkhidmatan pinjaman kapada orang …rpustakaan juga berkhidmat dalam …n apa jua bentok kemudahan dan …u pengetahuan kapada orang ramai … kapada para pengguna perpustakaan

## …RADUAN MINGGU LUKISAN 1976

…ai langkah pertama untok mendekat- … kanak-kanak kapada perpustakaan, …aan kanak-kanak telah menganjorkan …duan minggu lukisan yang di-adakan …an Puasa.

…an minggu lukisan terbahagi ka- … perengkat ia-itu perengkat (A) dan …rengkat A berumor 4 hingga 7 tahun …gkat B berumor 8 hingga 11 tahun. …an ini hanya di-adakan di-pereng- …h Brunei-Muara sahaja. Antara lain … di-adakan ia-lah untok memupok …ak-kanak dalam bidang seni lukis sam- …i masa lapang mereka.

…tan yang di-berikan oleh kanak- …at menggalakkan di-mana sa-ramai … telah mengambil bahagian.

## …RADUAN MEMBACHA …AM BAHASA MELAYU 1977

…ti juga peraduan minggu lukisan, … membacha juga di-adakan untok …ak dalam dua perengkat ia-itu A … Peraduan ini di-dakan dalam bulan …hun 1977.

…maian peserta dalam bahagian A ia-itu …rumor 6 hingga 7 tahun ia-lah 22 orang dan dalam bahagian B yang berumor 8-11 tahun ia-lah sa-ramai 80 orang.



…-mata-mata menguji kechekapan

## PERADUAN TULISAN JAWI DAN RUMI 1978

Peraduan Tulisan Jawi dan Rumi di-adakan oleh Perpustakaan Kanak-kanak Dewan Bahasa dan Pustaka dalam semua perengkat daerah. Memandangkan kapada sambutan kanak-kanak dalam peraduan2 yang lalu, pehak perpustakaan kanak-kanak telah mengambil keputusan membukakan juga kapada chawangan2 perpustakaan di-keempat2 daerah ia-itu Belait, Tutong, Temburong dan Seria.

Keramaian peserta di-tiap2 daerah ada-lah saperti berikut:—

Peserta dari Daerah Brunei-Muara ia-lah 86 orang.

Peserta dari Daerah Tutong ia-lah 10 orang.

Peserta dari Daerah Temburong ia-lah 6 orang.

Peserta dari Daerah Belait ia-lah 31 orang.

Peserta dari Daerah Seria ia-lah 11 orang.

## PERADUAN MEWARNA KULIT MAJALLAH DAN MELUKIS ILUSTRASI BUKU 1979

Dalam tahun 1979, sekali lagi perpustakaan kanak-kanak menganjorkan satu peraduan untok kanak-kanak. Peraduan ini terbahagi kapada dua bahagian ia-itu bahagian A mewarna kulit majallah dan bahagian B melukis ilustrasi kulit buku.

Keramaian dalam bahagian (A) mewarna kulit majallah ia-lah : —

Brunei dan Muara sa-ramai 69 orang
Daerah Temburong sa-ramai 4 orang
Daerah Tutong sa-ramai 6 orang
Daerah Belait sa-ramai 15 orang
Daerah Pekan Seria (tidak ada peserta)

Keramaian dalam bahagian (B- melukis ilustrasi kulit buku ia-lah:—

Brunei dan Muara sa-ramai 42 orang
Daerah Temburong sa-ramai 18 orang
Daerah Belait 15 orang
Pekan Seria 3 orang.
Pekan Tutong (tidak ada peserta)

## PERADUAN BIJAK BERCHERITA 1980

Peraduan bijak bercherita di-adakan bertujuan untok menggalakkan kanak2 itu petah berchakap dan berani berhadapan dengan orang ramai serta memupok dan menyuborkan bakat bercherita yang ada pada jiwa kanak-kanak. Peraduan ini di-adakan dua perengkat ia-itu perengkat daerah dan perengkat negeri. Perengkat daerah telah mula di-adakan pada 24hb Ogos, 1980. Keramaian peserta ada-lah saperti berikut :

Brunei dan Muara sa-ramai 45 orang
Temburong sa-ramai 4 orang
Belait sa-ramai 7 orang

Kapada awda yang mempunyai anak yang berumor 6 hingga 11 tahun berikan-lah dorongan kapada mereka supaya menyertai kegiatan yang di-jalankan oleh perpustakaan kanak-kanak baik kegiatan2 biasa mau pun yang berupa kegiatan dalam bentok peraduan.

## PEMINJAMAN BUKU2 UNTOK KANAK-KANAK

Satu lagi berita yang paling di-nanti2kan oleh kanak-kanak ia-lah mengenai dengan kemasokan ahli perpustakaan kapada mereka yang mana membolehkan mereka menjadi ahli perpustakaan dan berhak meminjam buku2 yang di-sukai dari perpustakaan kanak-kanak. Langkah membukakan ahli kapada kanak-kanak ini telah di-mulakan oleh Perpustakaan Kanak-kanak dalam awal tahun 1980.

Kapada kanak-kanak yang belum menjadi ahli perpustakaan kanak-kanak segera-lah berjumpa kapada Pegawai Perpustakaan Kanak-kanak di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, Brunei.



SA-ORANG pegawai perpustakaan sedang menunjok ajar bagaimana chara membuat benda2 daripada bahan2 kertas dalam ranchangan kerja tangan.



MASA bercherita di-adakan pada sa-tiap hari minggu dengan tujuan untok memberikan nasehat dan perbandingan melalui cherita.



PERMAINAN master mind, dam dan 6 games untok menguji kechekapan fikir.

## Kejohanan Olahraga Pulis Diraja ke-4

# CHAWANGAN 'A' SA-BAGAI JUARA

GADONG. — Chawangan A Pasokan Pulis Diraja Brunei telah munchol sa-bagai juara dalam kejohanan olahraga antara Chawangan-Chawangan Pasokan Pulis Diraja Brunei yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari Sabtu 11hb. Oktober minggu lalu.

Tempat kedua di-menangi oleh Chawangan C, ketiga Chawangan B, ke-empat Chawangan D dan pemenang kelima jatoh kapada Chawangan E.

Kejohanan yang di-anjorkan oleh Majlis Sokan Pulis Diraja itu telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.

Sa-ramai 300 orang peserta yang mewakili lima buah chawangan telah mengambil bahagian dalam 35 achara yang di-pertandingkan termasok 24 achara trek dan 11 achara padang.

Kemunchak dari achara pada petang itu achara khas yang mengandongi tiga achara ia-itu lari 100 meter lelaki terbuka kapada Pegawai2 Pulis Kadet antara daerah2, 100 meter lelaki veteran yang berumor 40 tahun ka-atas dan lari 200 meter berhalangan yang terbuka kapada semua Pegawai2 Pemerentah dan Pegawai Penguasa Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Kejohanan tersebut telah di-serikan dengan permainan pancharagam dari Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei yang di-pimpin oleh DSP Brush dan Inspektor Kanan, Abdul Ghani.

Hadiah2 kapada para2 pemenang telah di-sampaikan oleh Pemangku Pesurohjaya Pulis, Dato C.T. Miller di-akhir kejohanan itu.



PESERTA2 berbaris lalu di-upachara pembukaan sokan tersebut sementara gambar bawah kelihatan peserta2 mengambil bahagian dalam achara melontar lembing.



## 12 rekod baru di-chipta

TUTONG. — Sa-jumlah 12 rekod baru dari 51 achara telah di-chipta dalam temasha Sokan Tahunan bagi sekolah2 menengah bawah kali yang kelapan perengkat sa-negeri yang telah di-adakan di-Padang Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong di-sini pada hari Ahad 12hb. Oktober yang lalu.

Rekod2 yang telah di-chipta ia-lah sembilan bahagian lelaki ia-itu Lompat Pagar 110 meter lelaki C, 100 meter lelaki B, C dan D, 800 meter lelaki D, 1,500 meter lelaki D, 4X100 meter lelaki B, Lompat kijang dan Lompat jauh sementara bagi bahagian perempuan pula ia-lah Lompat Pagar perempuan A dan 100 meter perempuan B.

Awang Jonathan Foo dari Sekolah St. Andrew telah menchipta rekod baru dalam bahagian lari Lompat pagar 110 meter lelaki C dengan masa 17.2 saat berbanding dengan rekod lama yang di-chipta oleh Yanie Taha dari SOAS (J) dengan masa 18.0 saat.

Lari 800 meter lelaki D dengan masa-nya 2 minit 15.4 saat telah di-buat oleh Awang Abdul Rahman Ibrahim dari Maktab Anthony Abell Seria. Beliau telah memechahkan rekod lama yang di-pegang oleh Yassin Abdullah (SOAS) dalam tahun 1979 dengan masa-nya 2 minit 16.9 saat.

Di-dalam achara 100 meter lelaki B, Awang Hilliary Disimond dari Sekolah St. Micheal menchipta rekod baru dengan masa 12.4 saat berbanding dengan rekod lama 12.7 saat yang di-buat oleh Simon Wans juga dari St. Micheal.

Lari 100 meter lelaki C di-buat oleh Awang Dikon Rubi dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains dengan masa 11.5 saat berbanding 11.8 saat dalam tahun 1979.

Awang Yusni Abdullah dari Sekolah Inggeris Berakas menchatet 11.4 saat di-dalam bahagian 100 meter lelaki D berbanding rekod lama 11.7 saat.

Di-dalam achara 1,500 meter lelaki D, Awang Peranchis Thomas dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah berjaya memechahkan rekod lama 4 minit 47 saat yang di-buat oleh Sh. Aubid Sh. Nekman (SMJA). Masa baru yang di-buat oleh beliau ia-lah 4 minit 38 saat.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar Temburong pula telah berjaya memechahkan rekod lama dalam bahagian Lari 4X100 meter lelaki C dengan masa 49 saat berbanding rekod lama 49.2 saat yang di-buat oleh SISB, Tutong pada tahun lepas.

Sementara dalam achara Lompat kijang lelaki B, Awg Gason Bryant berjaya menchipta rekod baru dengan lompatan sa-jauh 10.9 meter berbanding dengan rekod lama 10.56 meter.

Di-dalam achara buang peluru, peserta dari Sekolah Menengah Chung Hwa Awang Tong Chee Kong membuat lontaran sa-jauh 11.81 meter dan sa-terus-nya berjaya memachahkan rekod lama 11.75 meter.

Satu rekod baru lagi yang di-chipta dalam bahagian lelaki ia-lah Lompat jauh lelaki B di-mana peserta dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Belait Awang Teo Teck Ming telah melompat sa-jauh 4.85 meter berbanding dengan rekod lama yang di-chipta oleh Yap Lip Yong juga dari sekolah yang sama dengan lompatan sa-jauh 4.81 meter.

Sementara dalam bahagian perempuan pula, peserta dari Sekolah St. Andrew Bandar Seri Begawan, Dayang Faw Gee Fen teah berjaya menchipta rekod baru dalam achara 110 meter Lompat pagar perempuan A dengan masa-nya 19 saat berbanding dengan rekod lama yang di-pegang oleh Dayang Amy Mok (sekolah St. Angela Convent, Seria) dengan masa 19.2 saat.

Dan rekod yang akhir sekali di-chipta di-temasha itu ia-lah Lari 100 meter perempuan B yang telah di-buat oleh peserta dari Sekolah St. Angela Convent, Seria, Dayang Chea Waun Dee dengan masa 13.3 saat berbanding dengan rekod lama yang di-chipta oleh Dayang Wong Siew Yew (St. Margaret, Seria) dengan masa-nya 14 saat.

## 320 orang sertai sokan tahunan sekolah menengah bawah ke-8

TUTONG. — Temasha sukan tahunan sekolah2 menengah bawah perengkat sa-negeri Brunei kali yang ke-lapan telah di-langsongkan di-Padang Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong di-sini pada hari Ahad 12hb. Oktober yang lalu.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah telah merasmikan temasha sokan tersebut.

Sa-ramai 320 orang peserta yang mewakili 40 buah sekolah-sekolah di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam 51 achara yang di-pertandingkan pada hari itu.

Sa-orang juruchakap dari Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran ketika di-tanya mengenai dengan performance temasha sokan itu, menjelaskan bahawa hanya sa-jumlah 12 rekod baru telah dapat di-pechahkan berbanding tahun lalu di-mana 31 rekod baru telah di-chipta.

Penchipta rekod baru yang di-chipta di-kejohanan itu, tambah-nya kebanyakan di-dalam achara lelaki ia-itu saperti Lari 800 meter, 100 meter Lompat pagar, 1,500 meter, Lompat jauh, Lompat kijang dan lain2 lagi.

Menyedari tentang kemerosotan di-temasha tersebut juruchakap itu menyarankan kapada penuntut2 khas-nya yang menuntut di-sekolah2 menengah bawah supaya akan bergiat dengan lebeh gigih lagi dengan mengadakan latehan2 yang sistematik pada menghadapi temasha yang sama di-masa2 akan datang.

Kejohanan tersebut ada-lah merupakan salah satu projek tahunan Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani dan ada-lah di-fahamkan bahawa temasha sokan sekolah2 menengah bawah kali yang ke-sembilan akan di-adakan di-Kuala Belait tahun hadapan.

Hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir temasha tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Saifon bin Awang Besar, Pegawai Tanah, Tutong.

# BELIA DAN SOKAN

## Brunei-Muara rebut oskar

TUTONG. — Pasokan bolasepak daerah Brunei Muara telah berjaya merebut kembali oskar rebutan Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar (Pegawai Daerah Brunei dan Muara) sa-telah berjaya mengalahkan Pasokan Daerah Tutong dalam perlawanan bolasepak bagi penuntut2 yang berumor 16 tahun ke-bawah.

Perlawanan yang merupakan satu dari projek tahunan yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran itu telah di-langsongkan pada minggu lalu bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di-Bukit Bendera di-sini.

Daerah Brunei Muara telah berjaya menewaskan Daerah Tutong dengan jaringan 4-0. Dua daripada gol2 tersebut telah di-sumbatkan dalam sa-paroh masa pertama melalui tendangan2 Faisal Yusof dan Ak Aslimin. Sementara itu kedua2 gol yang di-jaringkan dalam sa-paroh masa kedua ada-lah melalui rembatan Azman Daud.

